



كمتنرين سومبر ۲ اوتمام دان ڦلنچوڻن  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM  
BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN MEDIA  
JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

MEDIA RELEASE  
TOURISM DEVELOPMENT DEPARTMENT  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

DATA PERANGKAAN PELANCONGAN BAGI SUKU TAHUNAN  
SUKU KEDUA 2016

QUARTERLY TOURISM STATISTICS  
SECOND QUARTER 2016

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



MEDIA RELEASE  
TOURISM DEVELOPMENT DEPARTMENT  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

QUARTERLY TOURISM STATISTICS  
SECOND QUARTER 2016

BRUNEI DARUSSALAM

---

1. *In the second quarter of 2016 (Q2 2016), total number of international tourist arrivals to Brunei Darussalam through the Brunei International Airport has reached 52,292 arrivals compared to 55,647 arrivals in Q2 2015.*
2. *In terms of percentage growth, Q2 2016 recorded a decline of 6.0 per cent year-on-year (y-o-y). This was mainly attributed to the annual seasonal fluctuation, declining trend in travel demand and negative growth from the main source markets comprising Australia/ New Zealand markets which have decreased by 26.6 per cent (y-o-y), followed by ASEAN at 9.5 per cent (y-o-y), and Long Haul markets at 15.0 per cent (y-o-y). Meanwhile, the Far East region such as China, Hong Kong and Japan continued to show positive growth at 8.9 per cent (y-o-y).*
3. *The top five countries for tourist arrivals in Q2 2016 was Malaysia due to its easy air accessibility and proximity with 25.0 per cent (26.5 per cent in Q2 2015), followed by China at 18.3 per cent (15.9 per cent in Q2 2015), Indonesia at 9.5 per cent (8.9 per cent in Q2 2015), Philippines at 8.7 per cent (9.8 per cent in Q2 2015) and Singapore at 6.8 per cent (7.6 per cent in Q2 2015). In total, the top five countries have contributed the majority portion of international tourist arrivals into the country for Q2 2016 at 68.2 per cent.*

4. The main source market for Q2 2016 was ASEAN region at 54.9 per cent (57.0 per cent in Q2 2015), followed by Far East region at 23.1 per cent (19.9 per cent in Q2 2015), Long Haul market such as Europe and Middle East at 9.9 per cent (10.9 per cent in Q2 2015) and both Australia and New Zealand markets contributed at 4.0 per cent (5.1 per cent in Q2 2015).
5. The main purpose of visit to Brunei Darussalam is for leisure and holiday at 41.9 per cent (38.8 per cent in Q2 2015). About 18.4 per cent of tourists travel for Business (19.6 per cent in Q2 2015), In Transit at 11.0 per cent (11.7 per cent in Q2 2015), Visiting Friends and Relatives (VFR) at 11.6 per cent (12.2 per cent in Q2 2015), Government purposes at 2.6 per cent (3.4 per cent in Q2 2015), Exhibition at 0.8 per cent (0.9 per cent in Q2 2015), Others at 13.3 percent (9.9 per cent in Q2 2015) and Not specified at 0.4 per cent (3.6 per cent in Q2 2015). China and Malaysia remained as the main contributors for the leisure and holiday market at 57.3 per cent for Q2 2016 with each comprised of 39.1 per cent and 18.2 per cent respectively.
6. The average length of stay for hotels in Q2 2016 was 2.1 days compared to 2.1 days over the same period from last year. Whereas, the average hotel occupancy rate for Q2 2016 was 34.4 per cent compared to 38.62 per cent in Q2 2015.
7. For accommodation in Q2 2016, there are a total of 84 establishments ranging from Luxury Resorts (for example The Empire Hotel and Country Club), International Standard Hotel (for example Radisson Hotel); Business Standards; Budget; Lodgings; Apartments, Guest Houses and Homestays. The total number of hotels, resort and apartments are 50, followed by Homestays at 17, Guest Houses and Rest Houses at 15 and Government Guest Houses at 2. Meanwhile, the total number of rooms and beds available were 4,319 rooms and 6,057 beds. In Q2 2015, total number of establishments was recorded at 71, followed by 3,649 rooms and 5,184 beds available from the same categories of accommodations.
8. For Q2 2016, total number of registered Travel Agents under the Tourism Development Department was 60 establishments compared to 57 establishments over the same period from last year. All Travel Agents are based on inbound and outbound travel.



**SIARAN MEDIA**

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN**

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**DATA PERANGKAAN PELANCONGAN BAGI SUKU TAHUNAN  
SUKU KEDUA 2016**

**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

- 
1. Dalam tempoh suku kedua 2016 (Q2 2016), jumlah ketibaan pelancong antarabangsa ke Negara Brunei Darussalam melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei telah mencapai sebanyak 52,292 pelancong berbanding dengan 55,647 pelancong pada Q2 2015.
  2. Dari segi kadar pertumbuhan, Q2 2016 telah mencatatkan penurunan sebanyak 6.0 peratus dari tahun-ke-tahun (*year-on-year*). Ini adalah disebabkan oleh flaktuasi tahunan yang bermusim (*Annual seasonal fluctuation*), permintaan perjalanan (*Travel demand*) yang rendah dan pertumbuhan yang negatif dari pasaran-pasaran utama yang mana pasaran dari Australia/ New Zealand telah menyumbangkan penurunan sebanyak 26.6 peratus (y-o-y), diikuti dengan pasaran dari ASEAN sebanyak 9.5 peratus (y-o-y) dan pasaran dari Jarak Jauh (*Long Haul*) sebanyak 15.0 peratus (y-o-y). Manakala pasaran dari Timur Jauh (*Far East*) seperti Negara China, Hong Kong dan Jepun terus menunjukkan pertumbuhan yang positif sebanyak 8.9 peratus (y-o-y).
  3. Antara lima Negara teratas bagi ketibaan pelancong pada Q2 2016 adalah Malaysia kerana kemudahan dari segi kemasukan melalui udara dan kedudukan yang berhampiran dengan sumbangan sebanyak 25.0 peratus (26.5 peratus pada Q2 2015), diikuti oleh China sebanyak 18.3 peratus (15.9 peratus pada Q2 2015), Indonesia sebanyak 9.5 peratus (8.9 peratus pada Q2 2015), Filipina sebanyak 8.7 peratus (9.8 peratus pada Q2 2015) dan Singapura sebanyak 6.8 peratus (7.6 peratus pada Q2 2015). Secara keseluruhan, kelima Negara teratas ini telah menyumbangkan sebahagian besar dari ketibaan pelancong antarabangsa ke Negara ini pada Q2 2016 iaitu sebanyak 68.2 peratus.

4. Pasaran utama bagi Q2 2016 adalah pasaran dari ASEAN iaitu sebanyak 54.9 peratus (57.0 peratus pada Q2 2015), diikuti dengan pasaran Timur Jauh (*Far East*) sebanyak 23.1 peratus (19.9 peratus pada Q2 2015), pasaran Jarak Jauh (*Long Haul*) seperti Eropah dan Timur Tengah sebanyak 9.9 peratus (10.9 peratus pada Q2 2015) dan dari pasaran Australia dan New Zealand keduanya telah menyumbangkan sebanyak 4.0 peratus (5.1 peratus pada Q2 2015).
5. Tujuan utama bagi kemasukkan pelancong ke Negara Brunei Darussalam adalah untuk tujuan beriadah dan bercuti dengan sumbangan sebanyak 41.9 peratus (38.8 peratus pada Q2 2015). Manakala 18.4 peratus adalah datang dari pelancong dengan tujuan untuk perniagaan (19.6 peratus pada Q2 2015), pelancong membuat persinggahan sementara (*Transit*) sebanyak 11.0 peratus (11.7 peratus pada Q2 2015), melawat rakan dan saudara-mara (*VFR*) sebanyak 11.6 peratus (12.2 peratus pada Q2 2015), Kerajaan sebanyak 2.6 peratus (3.4 peratus pada Q2 2015), pameran sebanyak 0.8 peratus (0.9 peratus pada Q2 2015), lain-lain tujuan sebanyak 13.3 peratus (9.9 peratus pada Q2 2015) dan tidak dinyatakan sebanyak 0.4 peratus (3.6 peratus pada Q2 2015). China dan Malaysia merupakan diantara Negara-negara yang terus menjadi penyumbang utama kepada pasaran riadah dan percutian sebanyak 57.3 peratus dan masing-masing menyumbangkan sebanyak 39.1 peratus dan 18.2 peratus.
6. Purata tempoh penginapan bagi hotel pada Q2 2016 adalah 2.1 hari berbanding dengan 2.1 hari dalam masa yang sama pada tahun lepas. Manakala, purata kadar penginapan hotel bagi Q2 2016 adalah sebanyak 34.4 peratus berbanding dengan Q2 2015 yang mana jumlah tersebut adalah sebanyak 38.6 peratus.
7. Bagi Q2 2016, jumlah tempat penginapan adalah sebanyak 84 premis yang terdiri daripada taraf resort mewah (seperti The Empire Hotel and Country Club), taraf antarabangsa (seperti Radisson Hotel), taraf perniagaan, penginapan bajet, lodging, apartmen, *guest house* dan *homestay*. Jumlah tempat penginapan untuk hotel, resort dan apartmen adalah sebanyak 50 buah, *homestay* sebanyak 17 buah dan *guest houses* and *rest houses* sebanyak 15 buah dan *Government Guest Houses* sebanyak 2 buah. Manakala, jumlah keseluruhan bilik dan katil tersedia adalah sebanyak 4,319 buah bilik dan 6,057 buah katil. Pada Q2 2015, Jumlah tempat penginapan telah mencatatkan sebanyak 71 buah premis diikuti

dengan 3,649 buah bilik dan 5,184 buah katil daripada kategori-kategori tempat penginapan yang sama.

8. Bagi Q2 2016, jumlah agensi pelancongan yang berdaftar dibawah Jabatan Kemajuan Pelancongan adalah sebanyak 60 buah syarikat jika dibandingkan dengan masa yang sama pada tahun sebelumnya iaitu sebanyak 57 buah syarikat. Kesemua agensi-agensi pelancongan ini adalah berdasarkan kepada perjalanan *inbound* dan *outbound*.